

UPM pupuk minat pelajar terhadap sains

Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM) melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memupuk minat pelajar sekolah dalam bidang sains dan menyemarakkan budaya Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam kalangan masyarakat.

Menerusi penganjuran Karnival The Awesome Microbes anjuran Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (BioTech), pelajar sekolah dan masyarakat berpeluang mendapat pendedahan lebih dekat mengenai bidang sains khususnya mikrobiologi dan peluang pembelajarannya di universiti.

Karnival mendapat kerjasama Jabatan Mikrobiologi, Putra Elite (PE) dan Pusat Maklumat Bioteknologi Malaysia (MABIC) itu turut menjadi platform pembelajaran dalam perkongsian maklumat mikrobiologi dengan pelajar serta masyarakat.

Dekan BioTech UPM, Prof Datin



Sebahagian daripada **pengunjung Karnival The Awesome Microbes.**

Paduka Dr Khatijah Mohd Yusoff, berkata pelbagai aktiviti interaktif dan menyeronokkan dikendalikan mahasiswa Semester Satu hingga Semester Tujuh sepanjang karnival itu dengan memfokuskan kepada kesan baik dan buruk mikroorganisma.

Rangsang minat

Katanya, demonstrasi mengenai uji kaji mikrobiologi yang biasa dan universal turut diadakan untuk pengunjung.

“Objektif karnival itu adalah untuk memperkukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar dan pada

masa yang sama untuk mewujudkan kesedaran terhadap pendidikan sains.

“Pembabituan semua pelajar mikrobiologi akan mewujudkan suasana pembelajaran positif dalam suasana yang menyeronokkan sekali gus merangsang minat untuk belajar,” katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Radin Shafierul Radin Yahaya, pula berkata program itu memberikan gambaran jelas mengenai kepentingan mikroorganisma terhadap manusia.

Katanya, karnival itu berjaya memberi impak positif kepada pengunjung kerana mereka dapat memahami konsep sains walaupun mereka bukan pakar dalam bidang itu.

“Kita mengambil pendekatan karnival sebegini untuk mengetengahkan hasil penyelidikan kepada umum bagi meningkatkan minat mereka terhadap bidang sains serta kepelbagaian aplikasinya dalam kehidupan harian,” katanya.